

D533

U B977 AAB

MAHATHIR-SABAH

1985

KUALA LUMPUR, 1 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU MAHUKAN LAPORAN MENGENAI KEPUTUSAN PILIHANRAYA NEGERI SABAH BARU-BARU INI DARIPADA BERBAGAI-BAGAI SUMBER SEBELUM MEMBINCANGKAN KEKALAHAN BERJAYA.

+SETAKAT INI BAYA HANYA MENERIMA LAPORAN DARIPADA SATU SUMBER SAHAJA,+ KATANYA SELEPAS MENYAKSIKAN PERTUJUKAN BELON +GAJAH RAKSASA+ DI 'SINI.

BEKAS KETUA MENTERI SABAH SELAKU PRESIDEN BERJAYA SEMALAM MENEMUI BELIAU DI PEJABATNYA KERANA MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI SEBAB-SEBAB BERJAYA TEWAS DALAM PILIHANRAYA NEGERI PADA 20 DAN 21 APRIL.

PERDANA MENTERI BERKATA +BERMACAM-MACAM KELEMAHAN TERDAPAT DALAM HAL INI TETAPI SAYA BELUM MEMBINCANGKANNYA.+

BELIAU ENGGAN MENJELASKAN BENTUK-BENTUK KELEMAHAN ITU.

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN DATUK HARRIS SEMALAM, BELIAU BERKATA PERTEMUAN ITU LEBIH BERTUMPU KEPADA LAPORAN SEBAB-SEBAB BERJAYA TEWAS. -- LAGI.

1259MST 01 05 85

MAHATHIR-SABAH 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN PERTEMUAN ITU TIDAK LANGSUNG MENYENTUH +PAKATAN+ BERJAYA-USNO UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN BARU-BARU INI DAN SOAL PEMECATAN BERJAYA DARIPADA BARISAN NASIONAL.

SEMENTARA ITU BELIAU BERKATA KONSEP PARTI BERJAYA YANG PELBAGAI KAUM, ETHNIK DAN AGAMA PATUT DITERIMA OLEH RAKYAT SABAH.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN BEKAS KETUA MENTERI SABAH SELAKU PRESIDEN BERJAYA, DATUK HARRIS SALLEH SEMALAM BERHUBUNG DENGAN MASA DEPAN PARTINYA.

DATUK HARRIS YAKIN BAHAWA BERJAYA MASIH MEMPUNYAI MASA DEPAN DI SABAH. KENYATAAN ITU DIBUAT SELEPAS MENEMUI PERDANA MENTERI DI PEJABATNYA SELAMA SEJAM SEMALAM.

PERDANA MENTERI JUGA MENDENGAR LAPORAN DATUK HARRIS MENGENAI MASALAH KEKURANGAN PENTADBIR MELAYU DAN LANGKAH PEMECATAN PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU DARI SEMENANJUNG YANG BERKHIDMAT DI NEGERI ITU.-- LAGI

1303MST 01 05 85

MAHATHIR-SABAH 3 KUALA LUMPUR (AKHIR)

BAGAIMANAPUN KATANYA, PERKARA ITU BUKANLAH PERKARA YANG BOLEH DISELESAIKAN SECARA PENGURUSAN.

KETIKA MENGULAS KENYATAAN CUEPACS SEMALAM MENGENAI TUNTUTAN PENYELARSAN GAJI KAKITANGAN AWAM, BELIAU BERKATA +SAYA TIADA APA-APA TAMBAHAN MENGENAINYA.+

PERDANA MENTERI BARU-BARU INI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENOLAK BULAT-BULAT PERMINTAAN CUEPACS MENGENAI KENAIKAN GAJI KAKITANGAN AWAM.

SATU KERTAS KERJA KABINET MENGENAI PERKARA ITU SEDANG DISIAPKAN UNTUK DIBENTANGKAN DALAM MENSYUARAT KABINET AKAN DATANG.

PRESIDEN CUEPACS, ENCIK AHMAD NOR SEMALAM BERKATA PIHAKNYA TIDAK AKAN MENGORBANKAN DIRI ATAU BERTOLAK ANSUR DALAM ISU ITU DAN AKAN BERUSAHA MELALUI PERUNDINGAN DAN TINDAKAN TETAPI TIDAK AKAN BERTINDAI KETERLALUAN JIKA KEADAAN TIDAK MENDESAK.-- BERNAMA

1330MST 01 05 85